



06 Mar 2019

Harian Metro (Sabah and Sarawak), Malaysia

Author: JUNAIDI LADJANA • Section: News • Page: 1 • Printed size: 360.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 5,735.00
Item ID: MY0035308886

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2



TEBUK METER

■ Sebuah kilang diserbu tipu bacaan elektrik

Junaidi Ladjana

junaidi_ladjana@nstp.com.my

Kota Kinabalu

Menebuk penutup pada pemasangan meter elektrik bagi mengelak kos pembayaran bil elektrik tidak direkodkan dengan bacaan sebenar.

Itulah taktik dilakukan sebuah kilang sejuk beku sebelum diserbu sepasukan pegawai dan anggota Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) di kawasan industri di Lok Kawi, Penampang, kira-kira jam

10 pagi semalam.

Timbalan Pengarah Perancangan dan Penyelarasan Penguatkuasaan ST, Ir Shafie Mohamad berkata, kilang itu antara lima premis diserbu kerana disyaki melakukan pengusikan pada pemasangan meter elektrik hingga menyebabkan ia gagal merekodkan bacaan sempurna.

"Hasil serbuan di kilang itu didapati meter elektrik disyaki diusik dengan cara menebuk meter elektrik untuk tujuan mengusik bacaan sebenar pada meter

elektrik berkenaan.

"Hasil pemeriksaan mendapati kegiatan ini disyaki sudah dilakukan sekurang-kurangnya enam bulan sebelum berjaya dikesan," katanya ketika ditemui selepas serbuan itu di kilang berkenaan, semalam.

Menurutnya, selain kilang itu, pihaknya turut menjalankan serbuan di empat lagi premis di sekitar bandar raya ini termasuk sebuah premis serbaneka.

"Kelima-lima premis ini diserbu kerana disyaki melakukan pengusikan pada pemasangan meter

elektrik.

"Siasatan masih dijalankan bagi mengetahui jumlah sebenar kerugian ditanggung SESB," katanya.

Beliau berkata, pemilik premis ini boleh didakwa mengikut Seksyen 37(3) Akta Bekalan Elektrik 1990.

"Jika sabit kesalahan, denda hingga RM1 juta atau penjara hingga lima tahun boleh dikenakan untuk kesalahan pertama.

"Manakala denda hingga RM5 juta atau penjara hingga 10 tahun atau kedua-duanya pula boleh dikenakan untuk kesalahan kedua dan seterusnya," katanya.



06 Mar 2019

Harian Metro (Sabah and Sarawak), Malaysia

Author: JUNAIDI LADJANA • Section: News • Page: 1 • Printed size: 360.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 5,735.00
Item ID: MY0035308886

[isentia.mediaportal](https://www.isentia.com/mediaportal)

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

SUMMARIES

| Sebuah kilang diserbu tipu bacaan elektrik

junaidi_ladjana@nstp.com.my Kota KinabaluMenebuk penutup pada pemasangan meter elektrik bagi mengelak kos pembayaran bil elektrik tidak direkodkan dengan bacaan sebenar.Itulah taktik dilakukan sebuah kilang sejuk beku sebelum diserbu sepasukan pegawai dan anggota Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) di kawasan industri di Lok Kawi, Penampang, kira-kira jam

10 pagi semalam.